PP

lwn.

SURANI MUHAMMAD TAMSIR

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HASAN LAH HMR
SULONG MATJERAIE HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-96-2008]
16 DISEMBER 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 84 - Responden dituduh membunuh ayahnya di bawah s. 302 - Sama ada responden waras semasa kejadian - Perbezaan antara fahaman hilang akal di sisi undang-undang dan kaedah perubatan - Sama ada keterangan pakar bercanggah - Sama ada mahkamah boleh memilih atau menolak keterangan pakar - Hilang akal - Sama ada persoalan fakta atau ditentukan melalui ujian perubatan - Sama ada hakim perbicaraan khilaf dari segi undang-undang*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembunuhan - Pembelaan - Responden dituduh membunuh ayahnya - Hilang akal - Sama ada persoalan fakta atau ditentukan melalui ujian perubatan - Sama ada responden waras semasa kejadian - Perbezaan antara fahaman hilang akal di sisi undang-undang dan kaedah perubatan - Sama ada keterangan pakar bercanggah - Sama ada mahkamah boleh memilih atau menolak keterangan pakar - Sama ada hakim perbicaraan khilaf dari segi undang-undang - Kanun Keseksaan, s. 84*

KETERANGAN: *Keterangan pakar - Percanggahan keterangan - Sama ada mahkamah boleh memilih atau menolak keterangan pakar - Hilang akal - Sama ada persoalan fakta atau ditentukan melalui ujian perubatan*

Ini adalah rayuan pihak pendakwa raya terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi ('hakim perbicaraan') dalam memerintahkan supaya responden dilepaskan atas pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan ditahan di Penjara Sungai Buloh di bawah s. 348 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') sementara menunggu perintah dari Sultan Selangor untuk ditempatkan di Hospital Bahagia. Fakta kes ini berbangkit dari Mahkamah Tinggi di mana responden telah dituduh dengan kesalahan membunuh ayahnya ('simati'). Responden telah membuat pembelaannya di bawah s. 84

Kanun Keseksaan dan berhujah bahawa beliau telah hilang akal semasa insiden yang membawa kepada kematian simati. Berkaitan dengan ini, responden telah memanggil Dr. Ahmad Syukri ('SD2') sebagai saksinya di mana SD2 telah memberi pendapatnya bahawa responden menghidap penyakit schizophrenia dan oleh itu, dia berada dalam keadaan tidak waras dan tidak sedar bahawa perbuatannya salah di sisi undang-undang. Sebaliknya, pihak pendakwa raya telah memanggil Dr. Cheah Yee Chuang ('Dr. Cheah') sebagai saksi balasan di mana beliau telah memberi keterangan bahawa responden berada dalam keadaan waras semasa kejadian tersebut. Hakim perbicaraan memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan pembelaannya di bawah s. 84 Kanun Keseksaan dan telah dilepaskan dan dibebaskan. Seterusnya, hakim perbicaraan telah membuat perintah menurut s. 348 Kanun Tatacara Jenayah. Oleh itu rayuan ini. Alasan rayuan pihak pendakwa raya adalah bahawa hakim perbicaraan telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan pembelaan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan. Timbalan pendakwa raya telah berhujah, antara lain, (i) bahawa hakim perbicaraan, dalam meneliti keterangan kedua-dua pakar psikiatri, telah tidak memutuskan keterangan yang mana harus dipercayai dan (ii) bahawa hakim perbicaraan telah menitikberatkan tingkah laku responden di mahkamah berbanding dengan keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi)

Oleh Hasan Lah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Terdapat perbezaan di antara fahaman hilang akal di sisi undang-undang dan mengikut kaedah perubatan. Bentuk hilang akal yang diperkatakan dalam s. 84 Kanun Keseksaan adalah hilang akal yang melumpuhkan terus fakulti kesedaran seseorang. Sifat dan tahapnya hendaklah sebegitu rupa sehingga menyebabkan pesalah tidak mampu mengetahui tentang sifat perbuatannya, atau apa yang dibuatnya itu salah atau bertentangan dengan undang-undang. Oleh itu, kejenayahan sesuatu perbuatan perlu ditentukan oleh ujian s. 84 Kanun dan bukanlah melalui ujian perubatan (*John Nyumbei v. PP*; dirujuk). (perenggan 26)

(2) Apabila terdapat lebih daripada satu keterangan pakar, mahkamah boleh memilih untuk menerima mana-mana satu keterangan pakar tersebut ataupun menolak kedua-dua keterangan tersebut (*Muhamman Jeffry Safii v. PP*; dirujuk). (perenggan 28)

(3) Hakim perbicaraan telah mencapai satu dapatan fakta bahawa responden telah berjaya membuktikan pembelaan hilang akal setelah hakim perbicaraan meneliti kedua-dua keterangan SD2 dan Dr. Cheah dan keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dan pembelaan. Oleh itu, hakim perbicaraan tidak tersilap apabila beliau mengambilkira kelakuan responden semasa berada di mahkamah untuk menentukan sama ada pandangan SD2 atau Dr. Cheah yang boleh diterima oleh mahkamah tentang keadaan mental responden. Lagipun, kelakuan responden adalah relevan untuk isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah. (perenggan 29)

(4) Hakim perbicaraan telah membuat keputusan yang betul apabila beliau menerima keterangan SD2 berbanding dengan keterangan Dr. Cheah kerana SD2 telah diminta secara spesifik untuk memberi pendapat sama ada responden hilang akal pada masa dia melakukan kesalahan tersebut. Memandangkan kedua-dua pemerhatian yang dibuat oleh SD2 dan Dr. Cheah dibuat lama selepas kejadian tersebut, hakim perbicaraan telah dengan jelas mengatakan bahawa beliau perlu berhati-hati dalam menentukan persoalan sama ada responden hilang akal atau tidak semasa kejadian. (perenggan 30 & 31)

(5) Hakim perbicaraan telah meneliti semua keterangan-keterangan lain sebelum membuat keputusan. Pendekatan yang diambil oleh hakim perbicaraan adalah betul memandangkan persoalan sama ada seseorang itu hilang akal menurut s. 84 Kanun adalah persoalan fakta dan bukannya ditentukan melalui ujian perubatan. (perenggan 31)

English *Translation Of Headnotes*

This was an appeal by the prosecution against the decision of the High Court judge ('trial judge') in ordering that the respondent be acquitted on the charge under s. 302 Penal Code and to be detained in the Sungai Buloh Prison under s. 348 Criminal Procedure Code ('CPC') pending an order from the Sultan of

A Selangor to place the respondent in Hospital Bahagia. The facts of this case arose from the High Court wherein the respondent was charged with the offence of murdering his father ('deceased'). The respondent *vide* his defence under s. 84 of the Penal Code contended that he was of unsound mind at the time of incident
B that brought to the death of the deceased. In relation to this, the respondent had called Dr. Ahmad Syukri ('SD2') as his witness wherein SD2 gave his opinion that the respondent was suffering from schizophrenia and thus, he was of unsound mind and was not aware that what he had done was against the law. On the
C other hand, the prosecution called Dr. Cheah Yee Chuang ('Dr Cheah') as its witness, wherein he testified that the respondent was sane at the time of incident. The trial judge decided that the respondent had successfully proved his defence and was acquitted. Further, the judge made an order under s. 348 CPC. Hence this
D appeal. The prosecution's ground of appeal was that the trial judge had erred from the point of law and facts when he decided that the respondent had successfully proved his defence under s. 84 of the Penal Code. The deputy public prosecutor submitted that, *inter alia*, (i) that the trial judge, in scrutinising the evidence from the
E two psychiatric experts, did not decide as to which evidence was more probable and (ii) that the trial judge had taken into account the demeanour of the respondent in court compared to the other evidence adduced by the prosecution.

F **Held (dismissing the appeal; affirming decision of High Court)**

Per Hasan Lah JCA delivering the judgment of the court:

(1) There is a difference between understanding unsoundness of
G mind in law and in accordance to medical rules. The form of unsoundness of mind referred to in s. 84 of the Penal Code is where it directly cripples the awareness faculty of a person. The nature and degree of it must be of the same nature until it does not afford the accused to know about the nature of
H his conduct, or that what he is doing is wrong or against the law. Thus, the crime of a particular act has to be determined by the test under s. 84 of the Penal Code and not through medical test (*John Nyumbei v. PP*; refd)

(2) When there is more than one expert evidence, the court can
I choose to accept either one of the said expert evidence or reject both the evidence. (*Muhamman Jeffry Safii v. PP*; refd).

(3) The trial judge had reached a finding of fact that the respondent had successfully proved the defence of unsound mind after the trial judge had reviewed both evidence from SD2 and Dr. Cheah and all the other prosecution and defence witnesses. Hence, the trial judge did not err when he took into account the demeanour of the respondent when he was in court to decide whether the view of SD2 or Dr. Cheah could be received by the court regarding the respondent's mental condition. Further, the respondent's demeanour was relevant to the issue to be decided by the court.

(4) The trial judge had correctly decided when he received SD2's evidence compared to Dr. Cheah's evidence because SD2 was specifically asked to give his opinion as to whether the respondent was insane at the time the offence was committed. Since both observations done by SD2 and Dr. Cheah were made long after the incident happened, the trial judge had clearly said that he had to be careful in deciding the question of whether the respondent was of unsound mind or not at the time of the incident.

(5) The trial judge had considered all the other evidence before coming to a decision. The approach taken by the trial judge was correct since the question of whether a person is of unsound mind under s. 84 Penal Code was a question of fact and ought not to be decided through medical test.

Kes-kes yang dirujuk:
John Nyumbei v. PP [2007] 2 CLJ 509 CA ***(dirujuk)***
McLean v. Weir [1977] 5 WWR 609 ***(dirujuk)***
Muhammad Jeffry Safii v. PP [1996] 2 SLR 738 ***(dirujuk)***
Tengku Jonaris Badlishah v. PP [1999] 2 SLR 260 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 342, 348
Penal Code, ss. 84, 302

Bagi pihak perayu - Andi Razalijaya A Dadi TPR
Bagi pihak responden - Amer Hamzah Arshad; T/n Ranjit Singh & Yeoh

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45-79-2005]

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP v. Surani Muhammad Tamsir [2008] 1 LNS 830.]

Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid

A

PENGHAKIMAN

Hasan Lah HMR:

[1] Responden telah didakwa melakukan kesalahan membunuh Muhammad Tamsir bin Pangijan ('simati') pada 8 Disember 2003 iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[2] Hakim perbicaraan telah melepaskan dan membebaskan responden di akhir kes atas alasan bahawa responden tidak waras dan tidak mengetahui perbuatannya semasa kejadian dan seterusnya memerintahkan supaya responden ditahan di Penjara Sungai Buloh, Selangor di bawah s. 348 Kanun Tatacara Jenayah sementara menunggu perintah dari Sultan Selangor untuk ditempatkan di Hospital Bahagia.

[3] Pendakwa Raya tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan merayu terhadap keputusan hakim perbicaraan tersebut. Kami telah mendengar rayuan Pendakwa Raya dan telah menolak rayuan tersebut. Alasan-alasan bagi keputusan kami adalah seperti berikut.

[4] Fakta ringkas kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Simati adalah bapa kandung kepada responden. Responden tinggal bersama simati di sebuah rumah kampong di Lot No. 11103, Jalan Benteng, Kapar, Klang pada masa kejadian. Ibu responden (SP8) serta dua orang adik responden tinggal bersama abang responden (SP6) dan keluarga SP6 di rumah bersebelahan.

[5] Pada pagi hari kejadian, iaitu 8 Disember 2003, ketika isteri SP6 (SP7) sedang membasuh pinggan mangkuk di bilik air di rumahnya dia mendengar suara responden berkata "mati kau, mati kau" dengan kuat. SP7 dapat melihat, melalui tingkap bilik simati yang terbuka, responden berdiri tanpa berbaju, sedang menghayunkan kapak sambil berkata "mati kau, mati kau".

[6] SP7 menjerit memanggil SP6 dan menyuruhnya melihat apa yang berlaku kepada simati. Pada masa yang sama SP6 sudahpun berlari keluar dari rumahnya dan menuju ke rumah simati.

[7] SP6 masuk ke rumah simati melalui dapur. SP6 bertemu responden di tangga antara bahagian dapur ke bahagian utama rumah simati. Responden cuba menghalang SP6 naik ke atas. SP6 menepis tangan responden dan naik ke atas. Apabila tiba di pintu bilik simati SP6 melihat simati berlumuran darah di kepala.

[8] Responden telah berjaya ditangkap oleh jiran-jiran SP6 dan diserahkan kepada pihak polis yang tiba kemudian. A

[9] Ahli patologi (SP5) yang memeriksa mayat simati mendapati simati mengalami kecederaan luka tetak di bahagian dahi, tepi kepala, dagu, bahu dan tangan kanan. Pada pendapat SP5 luka-luka di bahagian kepala simati, khususnya, telah disebabkan oleh senjata yang berat dan tebal kerana ia menyebabkan rekahan pada tetakan itu. B

[10] Pada penutup kes pendakwaan hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap responden. C

[11] Pada asasnya pembelaan responden ialah dia hilang akal semasa perbuatan yang membawa kepada kematian simati, iaitu pembelaan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan. D

[12] Dalam keterangannya responden menyatakan, selama sebulan sebelum kejadian, dia sering mendengar suara-suara lelaki dari hutan berdekatan dengan rumahnya. Apabila dia mendengar suara-suara itu dia terjaga, tidak dapat tidur kerana dia takut. Dia telah memberitahu ibunya dan ibunya telah membawanya berjumpa dukun. E

[13] Responden menyatakan dia tidak tahu apa yang berlaku pada hari kejadian. Ibunya (SP8) memberitahunya semasa dia berada di penjara bahawa bapanya telah mati dibunuh. F

[14] Dalam pemeriksaan balas, responden mengaku dia ada minum arak dan mengambil dadah. Dia mengaku dia ada menyimpan perasaan marah terhadap simati. G

[15] Responden telah memanggil Dr. Ahmad Syukri Chew bin Abdullah (SD2), Pakar Perunding Psikiatri, Hospital Bahagia Ulu Kinta, Tanjung Rambutan, Perak sebagai saksinya. SD2 ada memeriksa responden dari 5 Julai 2007 hingga 17 Ogos 2007. SD2 memberi pendapat bahawa pada masa kejadian responden mengidap penyakit schizophrenia dan oleh itu berada dalam keadaan tidak waras dan tidak sedar bahawa perbuatannya salah di sisi undang-undang. SD2 juga menyatakan responden ada memberitahunya dia minum minuman keras dan mengambil dadah. SD2 berpendapat responden berbuat demikian sebagai usaha untuk mengubati penyakit schizophrenia yang dihadapinya. H I

[16] Pihak pendakwaan telah memanggil Dr. Cheah Yee Chuang, Pakar Psikiatri U54, Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak sebagai saksi balasan ("rebuttal"). Dr. Cheah menyatakan responden dirujuk ke Hospital Bahagia di bawah s. 342 Kanun Tatacara Jenayah untuk diperiksa keadaan mentalnya. Responden dimasukkan ke Hospital Bahagia dari 29 September 2005 hingga 16 Disember 2005. Dr. Cheah ada menyediakan laporan tentang keadaan mental responden. Menurut Dr. Cheah, responden berada dalam keadaan waras semasa kejadian dan menurutnya kesimpulan ini dibuat selepas satu panel pakar berbincang dalam apa yang dipanggil "the grand round".

[17] Setelah menimbang keseluruhan keterangan hakim perbicaraan memutuskan, atas imbangan kebarangkalian, responden telah berjaya membuktikan pembelaan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan. Oleh itu responden telah dilepaskan dan dibebaskan dan seterusnya hakim perbicaraan membuat perintah menurut s. 348 Kanun Tatacara Jenayah.

[18] Dalam rayuan ini Pendakwa Raya telah menimbulkan sebanyak lapan alasan rayuan. Walau bagaimanapun kami dapati alasan-alasan tersebut adalah bertindihan dan pada pendapat kami alasan rayuan Pendakwa Raya boleh dirumuskan seperti berikut, iaitu, hakim perbicaraan telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan pembelaan telah berjaya membuktikan pembelaan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan.

[19] Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar telah berhujah bahawa hakim perbicaraan sepatutnya menerima keterangan Dr. Cheah disebabkan, antara lainnya, pandangan Dr. Cheah dibuat selepas tiga kali pembentangan di "forensic grand round" iaitu di mana semua pakar dan semua pegawai perubatan di Hospital Bahagia bersama-sama membentangkan kes dan membincangkan kes forensik. Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar juga berhujah bahawa hakim perbicaraan, dalam meneliti keterangan kedua-dua pakar psikiatri tersebut, telah tidak memutuskan keterangan yang mana harus dipercayai. Beliau berhujah sekiranya terdapat dua keterangan pakar yang bercanggah dalam sesuatu kes maka mahkamah perlu melihat keterangan pakar yang manakah lebih konsisten dan menyokong dengan fakta semasa kejadian berlaku. Beliau seterusnya berhujah dalam kes ini keterangan Dr. Cheah adalah mengatasi keterangan SD2 dan hakim perbicaraan sepatutnya memutuskan responden telah gagal membuktikan pembelaannya di bawah s. 84 Kanun Keseksaan.

[20] Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar seterusnya berhujah bahawa responden sebenarnya tahu akan perbuatannya pada masa kejadian tersebut berdasarkan keterangan-keterangan berikut:

(a) perasaan marah responden terhadap simati yang selalu memarahinya;

(b) semasa kejadian, SP7 telah menyaksikan responden menghayun kapak ke bawah dan telah mengucapkan "mati kau, mati kau";

(c) tindakan responden menyembunyikan kapak yang digunakan untuk membunuh simati dibuang ke sungai untuk mengelakkan orang lain tahu akan perbuatannya;

(d) tindakan responden memberitahu SP6 bahawa simati dah mati dan menghalang SP6 daripada melihat simati di dalam rumah dan mengucapkan "abah dah mati";

(e) responden dipengaruhi dadah dan minuman keras sebelum kejadian;

(f) suara-suara ghaib tidak didengari responden semasa kejadian;

(g) responden hanya membangkitkan mendengar suara ghaib kali pertama pada tahun 2007 ketika dirawat oleh Dr. Ahmad Syukri (SD2); dan

(h) ketika memberi keterangannya di mahkamah responden berupaya menceritakan latar belakang kejadian secara terperinci kepada SD2.

[21] Akhir sekali Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa hakim perbicaraan telah menitikberatkan tingkah laku responden di mahkamah berbanding dengan keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[22] Mengenai perbezaan pendapat di antara SD2 dan Dr. Cheah, hakim perbicaraan telah menyatakan:

> Oleh sebab kedua-dua pemerhatian oleh ahli psikiatri di Hospital Bahagia berlaku lama selepas kejadian, dan laporan mereka bercanggah antara satu sama lain, Mahkamah ini perlu berhati-hati dalam menentukan sama ada tertuduh siuman atau tidak semasa kejadian.

A

> Maka, Mahkamah ini telah meneliti keterangan yang diberikan oleh tertuduh dan membandingkan dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan untuk menentukan sama ada, atas imbangan kebarangkalian, tertuduh tidak siuman semasa kejadian seperti yang diberi pendapat oleh Dr. Ahmad Syukri.

B

[23] Mengenai tingkah laku responden di mahkamah hakim perbicaraan memberi pandangan berikut:

> Sepanjang masa kes ini berjalan, saya telah memerhatikan kelakuan tertuduh di dalam kandang tertuduh. Saya perhatikan
C bahawa tertuduh sering tersenyum-senyum sendirian. Saya percaya inilah yang dimaksudkan oleh Dr. Ahmad Syukri kelakuan yang sepatutnya diberi perhatian lanjut dalam pemeriksaan perubatan oleh pasukan psikiatri yang pertama.

[24] Kedua-dua SD2 dan Dr. Cheah adalah pakar psikiatri yang
D bertugas di Hospital Bahagia. Dr. Cheah membuat pemeriksaan ke atas responden dari 20 September 2005 hingga 16 Disember 2005 iaitu lebih kurang 20 bulan selepas tarikh kejadian. Menurut Dr. Cheah responden dirujuk ke Hospital Bahagia di bawah s. 342 Kanun Tatacara Jenayah. Tujuan mahkamah membuat perintah di
E bawah s. 342 tersebut ialah untuk menentukan sama ada responden boleh membuat pengakuan dalam perbicaraan kes terhadapnya ("capable of making his defence"). Dr. Cheah, semasa disoal balas, mengatakan dia bukan pakar dalam bidang "forensic psychiatry".

F

[25] SD2 memeriksa responden dari 5 Julai 2007 hingga 17 Ogos 2007 iaitu lebih kurang 3 1/2 tahun selepas tarikh kejadian. Tujuan mahkamah menghantar responden kali kedua ke Hospital Bahagia adalah untuk mendapat pandangan pihak Hospital Bahagia sama
G ada responden berada dalam keadaan waras semasa kejadian. Semasa SD2 dirujuk kepada laporan Dr. Cheah di mana dinyatakan responden tidak menunjukkan gejala penyakit mental yang serius SD2 menjawab:

H

> SD2: Saya setuju tetapi ada satu tanda (gejala) yang tercatat dalam fail bahawa pesakit ada senyum-senyum seorang. Itu adalah tanda yang perlu di "explore".

[26] Terdapat perbezaan antara fahaman hilang akal di sisi undang-undang dan fahaman hilang akal mengikut kaedah
I perubatan. Bentuk hilang akal yang diperkatakan s. 84 Kanun Keseksaan adalah hilang akal yang melumpuhkan terus fakulti

kesedaran seseorang. Sifat dan tahapnya hendaklah sebegitu rupa sehingga menyebabkan pesalah tidak mampu mengetahui tentang sifat perbuatannya, atau apa yang dibuatnya itu salah atau bertentangan dengan undang-undang. Kejenayahan sesuatu perbuatan dengan itu perlu ditentukan oleh ujian s. 84 ini dan bukannya melalui ujian perubatan (*John Nyumbei v. PP* [2007] 2 CLJ 509).

[27] Mahkamah Rayuan juga dalam kes *John Nyumbei* menyatakan dalam kes di mana pembelaan hilang akal di bawah s. 84 Kanun Keseksaan ditimbulkan oleh tertuduh mahkamah boleh mengambilkira hal keadaan yang berlaku selepas kejadian tersebut dalam menentukan sama ada pembelaan hilang akal telah dibuktikan. Pada ms 519 kes tersebut Abdul Hamid Embong HMR berkata:

> We have also considered the defence expounded by the appellant in his testimony. In our view the appellant's act in disposing off the skull after severing the deceased's head showed a degree of guilt and an effort to avoid detection. Where insanity is raised as a defence, this court may consider the circumstances which come after the crime. This is a material consideration in deciding whether the appellant had satisfied the test laid down under s. 84. The court may take into account such circumstances and any inference of facts to determine if a plea of insanity has succeeded.

[28] Apabila terdapat lebih dari satu keterangan pakar mahkamah boleh memilih untuk menerima mana-mana satu keterangan pakar tersebut ataupun menolak kedua-dua keterangan tersebut (*Muhammad Jeffry bin Safii v. PP* [1996] 2 SLR 738; *McLean v. Weir* [1977] 5 WWR 609). Dalam kes *Tengku Jonaris Badlishah v. PP* [1999] 2 SLR 260, Mahkamah Rayuan Singapura telah memutuskan bahawa dalam hal berkaitan keterangan pakar yang bercanggah, mahkamah rayuan tidak sepatutnya mengganggu keputusan hakim perbicaraan yang dibuat setelah menimbang pandangan saksi-saksi pakar tersebut dengan teliti dan tanpa dipengaruhi perasaan dan telah mencapai satu keputusan fakta yang jelas.

[29] Dalam kes ini hakim perbicaraan telah mencapai satu dapatan fakta bahawa responden telah berjaya membuktikan pembelaan hilang akal setelah hakim perbicaraan meneliti dengan teliti kedua-dua keterangan SD2 dan Dr. Cheah dan keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dan pembelaan. Beliau telah

A mengupas dengan terperinci keterangan-keterangan yang material dan memberi alasan kenapa beliau menerima atau menolak keterangan-keterangan tersebut. Daripada alasan penghakiman beliau adalah jelas beliau menerima keterangan SD2 dan menolak keterangan Dr. Cheah. Beliau juga mengambilkira kelakuan
B responden yang sentiasa tersenyum-senyum sendirian semasa berada di mahkamah dan mengaitkan perkara ini dengan pendapat SD2 tentang rekod dalam laporan Dr. Cheah yang menyatakan responden ada senyum-senyum seorang. Pada pendapat kami hakim perbicaraan tidak tersilap apabila beliau mengambilkira
C kelakuan responden semasa berada di mahkamah untuk menentukan sama ada pandangan SD2 atau Dr. Cheah yang boleh diterima oleh mahkamah tentang keadaan mental responden kerana kelakuan responden itu adalah relevan untuk isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah.

D

[30] Pada pendapat kami hakim perbicaraan membuat keputusan yang betul apabila beliau menerima keterangan SD2 berbanding dengan keterangan Dr. Cheah kerana SD2 telah diminta secara spesifik untuk memberi pendapat sama ada responden hilang akal
E pada masa dia melakukan kesalahan tersebut. Sebaliknya responden dirujuk kepada Dr. Cheah di bawah s. 342 Kanun Tatacara Jenayah iaitu untuk mahkamah mengetahui sama ada responden boleh membuat pengakuan dalam perbicaraan kes terhadapnya. Semasa Dr. Cheah disoal balas oleh peguambela
F responden Dr. Cheah memberi keterangan berikut:

PB : Adakah benar P33 lebih merujuk kepada fitness to plead?

SPR 1: Ya.

G PB : Maka oleh itu setuju doktor tidak buat penilaian lebih kepada criminal insanity?

SPR 1: Setuju.

[31] Hakim perbicaraan juga mengambilkira hakikatnya bahawa
H kedua-dua pemerhatian yang dibuat oleh Dr. Cheah dan SD2 adalah dibuat lama selepas kejadian tersebut. Oleh itu hakim perbicaraan telah dengan jelas mengatakan beliau perlu berhati-hati dalam menentukan persoalan sama ada responden hilang akal atau tidak semasa kejadian. Oleh itu hakim perbicaraan telah meneliti
I semua keterangan-keterangan lain yang ada di hadapan beliau

dengan teliti sebelum membuat keputusan tentang isu ini. Kami berpendapat pendekatan yang diambil oleh hakim perbicaraan dalam perkara ini adalah betul memandangkan persoalan sama ada seseorang itu hilang akal menurut s. 84 Kanun Keseksaan atau tidak adalah persoalan fakta dan bukannya ditentukan melalui ujian perubatan.

[32] Setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar kami berpendapat tiada kesilapan telah dibuat oleh hakim perbicaraan dalam mencapai keputusan beliau dan alasan-alasan yang diberikan. Dengan itu, kami menolak rayuan ini dan mengesahkan perintah-perintah yang dibuat oleh hakim perbicaraan.